

---

## **KEPATUHAN MEMBAYAR ZAKAT: ANALISIS BOCORAN DALAM KUTIPAN ZAKAT FITRAH**

---

**Fidlizan Muhammad  
Mohd Yahya Mohd Hussin**  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

**Salwa Amira Awang**  
*Politeknik Sultan Azlan Shah*

**Abdul Majid Tahir Mohamed**  
*Universiti Sultan Zainal Abidin*

### **ABSTRAK**

Zakat merupakan rukun Islam keempat yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak. Antara jenis zakat yang berkait rapat dengan setiap individu Muslim adalah zakat fitrah atau zakat badan. Ia merupakan zakat yang dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan puasa di bulan Ramadhan. Berikutnya itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis bilangan pembayar zakat yang memenuhi tuntutan ini berdasarkan saluran pembayaran formal. Dengan menggunakan data jumlah kutipan zakat fitrah, kadar zakat fitrah dan bilangan penduduk beragama Islam di Malaysia, dapatkan kajian menunjukkan jumlah kutipan adalah meningkat dari tahun ke tahun. Walaubagaimanapun, dalam masa yang sama bilangan pembayar yang tidak menggunakan saluran formal ini juga menunjukkan jumlah yang tinggi. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa, kerangka institusi zakat perlu kepada penambahbaikan berterusan melibatkan sistem pengurusan, kutipan dan agihan, bahkan memerlukan lebih kuasa dari sudut undang-undang bagi mempertingkatkan penguatkuasaan.

*Kata kunci:* *Zakat fitrah, bocoran, kutipan zakat*

## ABSTRACT

*Zakah is the fourth obligatory deed in the pillars of Islam which must be carried out by each Muslim individual who has completed the prescribed requirement by syara'. Among the types of zakah that are closely related to every Muslim individual is zakah fitrah or self zakah. It is conducted to fulfill the requisition of fasting in Ramadhan, therefore, this article aims to analyze the number of zakah payers who carry this out through the formal payment channel. By using the data on the amount of zakah fitrah collection, zakah fitrah rate and the number of Muslims in Malaysia, the research finding indicates that the amount of collection is increasing from year to year. However, in the meantime the number of payers who do not use the formal channel is also high. This result shows that, the structure of zakah institution is in need of continuous improvement which involves the management, collection and distribution system. Moreover it also needs better empowerment from the aspect of law to increase enforcement.*

*Keywords:* Zakah fitrah, leakage, zakah collection

## PENGENALAN

Zakat merupakan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan bagi setiap individu Islam yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Kewajipan menunaikan tanggungjawab ini ditegaskan dalam banyak ayat al-Quran yang mana perintah pelaksanaan ini kebanyakannya mengiringi perintah menunaikan sembahyang.

Suruhan untuk mengeluarkan zakat adalah bertujuan berkongsi harta supaya harta tidak hanya berlegar di kalangan orang kaya sahaja. Oleh itu, pembayaran zakat dapatlah dianggap sebagai eksternaliti yang ditanggung oleh segelintir pihak yang memperolehi hasil dari kekayaan di mana pada asalnya ia dikongsi secara bersama-sama<sup>1</sup>.

Walaupun zakat merupakan satu tanggungjawab kepada individu Muslim, namun sejarah yang berlaku di era kepimpinan awal Khalifah

<sup>1</sup> Sanep Ahmad dan Hairunizam (2005), "Kesediaan Berkongsi Kekayaan dan Kebahagiaan: Kajian Kes Bayaran Zakat Bagi Harta yang diikhtilaf", *Persidangan Kebangsaan ke-2 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutuan (PPSPP)*, Bangi: UKM, h. 5-6.

Abu Bakar al-Siddiq perlu dijadikan panduan. Keengganan beberapa golongan untuk menunaikan tanggungjawab ini menyebabkan beberapa tindakan tegas telah diimplementasikan. Atas pengalaman yang dilalui ini, maka pemantauan atau proses kerja yang efisien perlu ditekankan pada masa kini bagi memastikan setiap individu berkelayakan sedar berkaitan tanggungjawab membayar zakat dan kesannya dalam agama.

Seajar dengan peristiwa yang berlaku ini, objektif kajian ini adalah menyelidiki kepatuhan membayar zakat di Malaysia menggunakan data jumlah pembayaran zakat seluruh negeri di Malaysia dari tahun 2003 hingga 2009. Pengukuran menggunakan data zakat fitrah dipilih atas beberapa alasan iaitu; i) zakat fitrah merupakan zakat kepada kesempurnaan ibadah puasa ramadhan kepada individu muslim tanpa mengenal batas umur dan status, ii) nisabnya adalah makanan asasi, iii) syarat-syarat kelayakan membayar zakat fitrah yang minimum, dan iv) populasi masyarakat Islam adalah dominan di Malaysia iaitu 61%. Melalui hasil analisis ini, maka bilangan individu yang menunaikan rukun ini dapat dikenalpasti. Jumlah perbezaan pembayar yang diperolehi dapat dijadikan panduan dalam penambahbaikan sistem perundungan dan sebagainya dalam kerangka institusi zakat yang lebih komprehensif di Malaysia. Untuk perbincangan selanjutnya, artikel ini disusun mengikut susunan berikut. Perbincangan dimulai dengan pengenalan zakat fitrah, disusuli kajian-kajian lepas, metodologi penyelidikan, perbincangan hasil kajian dan diakhiri dengan rumusan serta cadangan.

### **Zakat Fitrah**

Zakat fitrah merupakan gabungan dua perkataan iaitu zakat dan fitrah. Ia merupakan pelengkap kepada kesempurnaan puasa Ramadhan. Kefarduan zakat ini adalah seiring dengan kewajipan berpuasa pada tahun ke-2 hijrah.<sup>2</sup> Tuntutan melaksanakan zakat ini dapat ditunjukkan dalam beberapa sabda Nabi Muhammad s.a.w. seperti berikut;

1. Diriwayatkan dari Ibnu Umar r.a., ia berkata: Rasulullah telah mewajibkan zakat fitrah dari bulan Ramadhan satu sha' dari kurma, atau satu sha' dari sya'iir. atas seorang hamba, seorang

<sup>2</sup> Shofian Ahmad dan Amir Husin (2002), *Zakat Membangun Ummah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 33. Lihat juga dalam Qardawi (2002), *Hukum Zakat*, Indonesia: Litera AntarNusa, h. 921.

merdeka, laki-laki, wanita, anak kecil dan orang dewasa dari kaum muslimin.<sup>3</sup>

2. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas r.a., ia berkata: Rasulullah saw telah memfardhukan zakat fitrah untuk membersihkan orang yang puasa dari perbuatan sia-sia dan dari perkataan keji dan untuk memberi makan orang miskin. Barang siapa yang mengeluarkannya sebelum solat, maka ia bererti zakat yang di terima dan barang siapa yang mengeluarkannya sesudah solat Hari Raya, maka itu bererti sedekah seperti sedekah biasa (bukan zakat fitrah).<sup>4</sup>
3. Diriwayatkan dari Nafi', ia berkata: Adalah Ibnu Umar menyerahkan (zakat fitrah) kepada mereka yang menerimanya (golongan penerima zakat fitrah/amil) dan mereka (para sahabat) menyerahkan zakat fitrah sehari atau dua hari sebelum Hari Raya.<sup>5</sup>

Berdasarkan kepada hadis-hadis ini, terdapat tiga elemen penting yang wujud iaitu tempoh, tujuan dan golongan yang wajib melaksanakan ibadah zakat. Suruhan yang menepati ketiga-tiga elemen ini dapat menyucikan amalan individu pada bulan Ramadhan dan seterusnya mencapai kejayaan dan kemenangan sebagaimana firman Allah s.w.t berikut;

Maksudnya:

*Sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha untuk membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh), dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhanya serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyuk)*

Surah al-A'laa (87:14-15)

<sup>3</sup> Imam al-Bukhari (2002), No. hadis 781, Jilid II, dalam Terjemahan Hadis Shahih Bukhari, Jilid I,II,III,IV, (terj.) Zainuddin Hamidy et al., Singapore: Darul Fajr Publishing House, h. 141. Lihat juga dalam Imam al-Muslim (2002), No. Hadis 935, Jilid II, dalam Terjemahan Hadis Shahih Muslim, Jilid I,II,III, IV, (terj.) Ma'mur Daud, Singapore: Darul Fajr Publishing House, h. 169.

<sup>4</sup> *Ibid.*, No. hadis 2092, h. 1244

<sup>5</sup> Imam al-Bukhari (2002), no. hadis 784, *op.cit.*, h. 142.

Zakat fitrah merupakan zakat yang berbeza dengan zakat harta benda. Zakat fitrah diwajibkan untuk setiap individu yang beragama Islam tanpa mengira golongan dan status. Ianya wajib dilaksana oleh individu yang bertaraf merdeka atau hamba tanpa membezakan darjah kekayaan atau kemiskinan<sup>6</sup>. Selain tidak dikekang oleh faktor kemerdekaan dan kekayaan<sup>7</sup>, didapati faktor umur<sup>8</sup> juga sama. Hal ini diperhatikan dalam riwayat Abu Hurairah;

Maksudnya:

*“Dari Abu Hurairah tentang zakat fitrah. Wajib pada orang-orang yang merdeka, hamba sahaya, laki-laki, perempuan, anak-anak, dewasa, fakir atau kaya”<sup>9</sup>*

Bagi zakat harta benda pula, ia hanya dikenakan ke atas orang-orang merdeka sahaja. Syarat milik penuh telah mengecualikan kewajipan zakat ini ke atas golongan hamba.<sup>10</sup> Walaubagaimanapun, terdapat perselisihan antara fuqaha berkaitan kewajipan membayar zakat harta bagi seorang kanak-kanak.<sup>11</sup>

### **Sukatan Pembayaran Zakat Fitrah dan Perbincangan Fuqaha**

Asas atau syarat utama kewajipan zakat fitrah adalah memiliki lebihan makanan pada malam dan pagi 1 Syawal atau Hari Raya. Hal ini ditegaskan oleh Rasullullah s.a.w;

<sup>6</sup> Jumhur ulama telah mensyaratkan kewajipan zakat fitrah ini juga kepada orang fakir. Dalam situasi ini, ukuran kelebihan adalah pada makanan pokok atau asasi bagi dirinya dan orang yang menjadi tanggungjawab nafkahnya pada malam dan harinya Hari Raya. Lihat dalam Qardawi (2002), *op.cit.*, h. 935.

<sup>7</sup> Zakat fitrah juga diwajibkan kepada orang yang berhutang melainkan nilai fitrah yang dimiliki untuk membayar hutang perlu dilunaskan pada masa tersebut juga. Lihat dalam Qardawi (2002), *op.cit.*, h. 936.

<sup>8</sup> Diwajibkan membayar zakat juga bagi anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari. Begitu juga bagi individu yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan. Lihat dalam JAKIM (2001), *Panduan Zakat di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM, h. 8.

<sup>9</sup> al-Bukhari (2002), *op.cit.*

<sup>10</sup> Qardawi (2002), *op.cit.*, h. 128.

<sup>11</sup> *Ibid.*

Maksudnya:

“...mulailah dengan dirimu, kemudian jika ada lebihan maka berilah untuk ahlimu...”<sup>12</sup>

Intipati dari hadis berkenaan jelas menunjukkan bahawa syarat utama kepada kewajipan zakat fitrah ialah memiliki lebihan makanan.<sup>13</sup> Bagi individu yang menepati syarat ini, maka wajib padanya mengeluarkan zakat fitrah dengan timbangan sebanyak satu gantang makanan asasi. Perkara ini dijelaskan dalam hadis Nabi s.a.w.;

Maksudnya;

“Dari Abu Said al-Khudri, ia berkata: Kami mengeluarkan zakat fitrah, pada waktu Rasulullah s.a.w. ada bersama kita, satu sha' makanan atau satu sha' kurma, atau satu sha' gandum, atau satu sha' kurma basah atau satu sha' gandum basah, Kami terus melakukan hal ini sehingga Mu'awiyah datang kepada kita di Madinah, Ia berkata: Saya melihat bahawa dua mud makanan Syam sama dengan satu sha' kurma, lalu orang melakukan seperti apa yang dikemukakannya”<sup>14</sup>

Dari sudut timbangan pula, wujud dua ukuran yang dibahaskan oleh fuqaha. Pertamanya, satu sha' dan keduanya,  $\frac{1}{2}$  sha'. Dalam kebanyakan hadis, jelas menunjukkan bahawa timbangan bagi zakat fitrah adalah satu sha'. Namun begitu, timbangan sebanyak  $\frac{1}{2}$  sha' yang digunakan golongan Hanafi berdasarkan beberapa hadis Nabi s.a.w. seperti berikut;

<sup>12</sup> Imam al-Muslim (2002), No. Hadis 951, *op.cit.*, h. 181-182

<sup>13</sup> Sekiranya seorang individu mempunyai 5 orang anak, tetapi hanya mampu untuk diri seorang sahaja, maka wajib dikeluarkan fitrah untuk dirinya sahaja. JAKIM (2001), *op.cit.*, h.8. Bagi Mazhab Hanafi dan Ja'fari, dimaksudkan dengan orang yang memiliki lebihan makanan ialah orang yang mempunyai harta kekayaan yang mencapai nisab, atau yang senilai dengannya yang merupakan kelebihan daripada keperluannya. Lihat dalam Ibn Rusyd (1991), *Terjemahan Bidayatul Mujtahid*, (terj) M.A Abdurrahman, A.Haris Abdullah, Kuala Lumpur: Victory Agencie, h. 578. Lihat juga dalam, al-Jazri (1997), *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar* (ed.) 'Uwaiddah, Jil. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h.189. Lihat juga dalam, Abd Al-Karim Zaidan (1997), *Ensaiklopedia Fiqh Wanita : Zakat dan Puasa*, (terj.) Bahariddun Fannani, Jil.. 2, Selangor: Syabab Publishing Haouse h. 172.

<sup>14</sup> Imam al-Muslim (2002), No. Hadis 937, *op.cit.*, h. 169

Maksudnya;

*“Rasulullah s.a.w bersabda bahawa sedekah fitrah itu adalah satu sha’ gandum untuk setiap dua orang”<sup>15</sup>*

*“Rasulullah s.a.w telah mewajibkan sedekah ini dengan satu sha’ tamar atau gandum atau setengah sha’ gandum”<sup>16</sup>*

Walaupun timbangan  $\frac{1}{2}$  sha’ ini dibahaskan, namun ia didapati mengkhususkan kepada gandum sahaja. Dengan sebab itu, Yusof al-Qardhawi mentarjihkan isu ini dengan menyimpulkan bahawa gandum bukanlah makanan masyhur pada zaman Rasulullah s.a.w., dan tidak sebagaimana makanan lain iaitu kurma dan sebagainya<sup>17</sup>. Berpandukan dengan tarjih ini, kemungkinan timbangan yang lebih kecil bagi gandum bertujuan untuk mengelakkan pembaziran. Hal ini dapat disokong secara logik bahawa, makanan yang disyorkan dalam pembayaran zakat fitrah ialah makanan asasi yang diperlukan oleh masyarakat dan dikatakan makanan itu ialah makanan keperluan utama negara<sup>18</sup>. Oleh itu, timbangan satu sha’ terhadap makanan utama penduduk sesebuah daerah dan kawasan diterima pakai sehingga kini. Berkaitan kiraan gantang ini, ia hendaklah menurut kiraan ahli Madinah sebagaimana sabda Nabi s.a.w.,

Maksudnya;

*“Timbangan (berat) itu ditimbang menurut ahlul Makkah dan Sukatan (jumlah) itu ialah dikira pada sukatuan Ahlul Madinah”<sup>19</sup>*

Menjelaskan berkaitan hadis ini, Ibn Hazm menyatakan; ”Kita melihat penduduk Madinah tidak berbeda pendapat, bahawa satu mud di zaman Rasulullah s.a.w. yang dipergunakan untuk sedekah,

<sup>15</sup> Al-Nawawi (1996), *al-Minhaj fi Syarh Shahih Muslim bin al-Hajjaj, Ikhtisar Syarh Shahih Muslim*, (ed.) Ali Abdul Hamid Abu al-Khair, Jil. 7 Kitab al-Zakat, Damsyik: Dar al-Khair, h. 50.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 52.

<sup>17</sup> Qardawi (2002), *op.cit.*, h. 944.

<sup>18</sup> Ahmad al-Hajj al-Kurdi (2001), *Mujaz Akhdam al-Zakat wa al-Kaffarah wa al-Nudzur fi al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah, h.109.

<sup>19</sup> Sunan Abu Daud (2001), *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, (ed.) Syams al-Din Ibnu al Qayyim al-Jauziyyah (tahqiq) 'Isom al-Din as-Sabba Batani, Jil. 3, Kaherah: Dar al-Hadith, h. 325.

*tidak lebih banyak dari satu setengah kati dan tidak lebih dari satu seperempat kati*”. Oleh kerana, satu sha’ bersamaan empat mud, maka secara ukuran nilai piawai<sup>20</sup> yang diguna ialah antara 2.50 kg. hingga 3.0 kg.<sup>21</sup>

## KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan kutipan dan pengagihan zakat. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Md Zyadi dan Mariani (1999)<sup>22</sup> serta Nor Ghani, Mariani, Jaafar dan Nahid Ismail (2001)<sup>23</sup> yang membincangkan kesan penswastaan ke atas peningkatan kutipan zakat. Walaupun penswastaan memberikan kesan positif kepada hasil kutipan, namun perubahan sikap dan kesedaran individu muslim untuk melaksanakan tanggungjawab ini adalah lebih signifikan.

Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian Sanep dan Hairunnizam (2005)<sup>24</sup> mengenai kesediaan membayar zakat bagi empat kategori harta diikhtilaf iaitu pendapatan, pertanian, ternakan dan galian. Secara purata, 52.9% dari 2500 responden bersetuju pengenaan zakat terhadap harta ini. Namun, dari segi kesediaan membayar zakat ke

<sup>20</sup> Anggaran ini dapat diperhatikan dalam isu Riba al-Fadl iaitu ia berlaku dalam barang-barang makanan yang mempunyai timbangan setengah gantang (sa’) dan ke atas. Maka urusan  $\frac{1}{2}$  gantang adalah lebih kurang 1.35kg. Lihat dalam, Wahbah al-Zuhaily (2002), *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jil.IV, Kuala Lumpur: DBP, h. 687 dan 917.

<sup>21</sup> [atas talian] <http://islamicweb.com/begin/dictionary.htm>. 10 November 2010. Beberapa tokoh memberi ukuran berkaitan  $\frac{1}{2}$  sha’ seperti Mufti Shafi’ (1.63 kg), Ta’mir Hayat (1.65 kg) dan Maulana Abrarul Haq (1.7kg). Oleh itu ukuran satu sha’ adalah 3.2 kg – 3.4 kg. Lihat dalam “How do you calculate Sadaqatul Fitri (Fitra)?” [atas talian] [http://www.wifaqululama.co.uk/articlespdf/Sadaqatul\\_Fitr\\_1431.pdf](http://www.wifaqululama.co.uk/articlespdf/Sadaqatul_Fitr_1431.pdf), 12 November 2010.

<sup>22</sup> Md Zyadi Tahir & Mariani Majid (1999). “Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia” dalam *Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia*. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 293-306.

<sup>23</sup> Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001), “Can privatization improve performance? Evidence from zakat collection institutions”. *Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam*. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>24</sup> Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005b), “Persepsi dan Faktor Penentu Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf”, *Islamiyyat*, Jil. 27 Bil. 1, h. 45-65

atas pendapatan perundingan dan honorarium pula, didapati hanya 23 -26% responden sahaja yang bersedia melakukannya. Dari sudut zakat ternakan haiwan seperti ayam, itik, ikan dan sebagainya, kesediaan membayar pula secara puratanya adalah 42% sahaja.<sup>25</sup>

Selain dari kesedaran individu, faktor yang menyokong bersama-sama ialah keefisienan pengurusan zakat. Kajian Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006)<sup>26</sup> mendapati, 10.5% pembayar zakat menunaikan tanggungjawab ini secara terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat. Ini kerana, kebanyakannya tidak berpuas hati terhadap bentuk agihan yang telah dilaksanakan. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa, persepsi ini telah mempengaruhi jumlah kutipan secara signifikan. Ini menyebabkan pengagihan zakat secara lebih tersusun menjadi cabaran kepada institusi-institusi zakat di Malaysia. Dapatkan yang sama juga ditunjukkan dalam kajian Kamil, Derashid dan Engku Ismail (1997)<sup>27</sup> berkaitan zakat penggajian. Sikap kepatuhan untuk membayar melalui saluran formal adalah penting bagi membolehkan pengurusan dan pengagihan zakat lebih efisien. Dalam situasi ini, Aidit (1998)<sup>28</sup> berpandangan bahawa akta dan undang-undang yang menyokong khusus berkaitan pembayaran zakat adalah penting bagi meningkatkan kesedaran membayar sebagaimana patuhnya pembayar dengan wujudnya akta cukai.

Dalam kajian Kamil (2006)<sup>29</sup> berkaitan kepentingan undang-undang dalam pelaksanaan zakat, kebanyakan responden berpandangan undang-undang zakat di Malaysia berada pada tahap lemah. Dengan menggunakan teori pembelajaran sosial (*social learning theory*), manusia akan melaksanakan tanggungjawab jika merasakan dirinya

<sup>25</sup> Sanep Ahmad dan Hairunnizam (2005), *op.cit.*, h. 5-6.

<sup>26</sup> Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006), "Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia", *International Journal of Management Studies* Jil.13 Bil 2, h. 175- 196.

<sup>27</sup> Kamil Md Idris, Chek Derashid dan Engku Ismail. (1997). Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan muslimin negeri Perlis. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah [atas talian] <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/kesedaran%20membayar%20zakat%20pendapatan.pdf>, 10 November 2010.

<sup>28</sup> Aidit, Ghazali (1998), *Zakat- satu tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.

<sup>29</sup> Kamil Md. Idris (2006), Kesan Persepsi Undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji, dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan* (suntingan) Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi, Penerbit UKM, h. 341-345.

terancam. Walaupun kajian yang dilaksana tidak dapat menunjukkan hubung kait yang signifikan antara pembayaran dan undang-undang, beliau berpandangan bahawa undang-undang yang positif akan meningkatkan jumlah bayaran. Oleh sebab itu, penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan, tiada anggota masyarakat yang terlepas dari melaksanakan tanggungjawab ini.

Siti Mashitoh (2007)<sup>30</sup> menghuraikan dengan lanjut konsep sistem perundangan zakat di Malaysia. Faktor yang menyebabkan undang-undang zakat di Malaysia tampak lemah adalah disebabkan sistem perundangan yang begitu terhad. Keadaan ini telah memberi ruang kepada fenomena kegagalan membayar zakat dan tentangan terhadap perundangan zakat sedia ada.

Dalam kajian Ahmad Hidayat (2006)<sup>31</sup> berkaitan dilema perundangan ini, ia mendapati statistik gagal membayar zakat fitrah di Perak telah menunjukkan peningkatan bagi tahun 1953 dan 1954 iaitu dari 69,000 orang kepada 84,000 orang.

Berdasarkan kajian lepas ini, jelas menunjukkan bahawa bocoran wujud dalam pembayaran zakat atas pelbagai faktor. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis sejauhmana bocoran ini wujud pada masa kini menggunakan data zakat fitrah. Melalui hasil ini, bocoran yang diperolehi dapat dijadikan rujukan dalam menambah baik institusi zakat di Malaysia.

## METODOLOGI

Analisis kajian ini menggunakan data kadar zakat fitrah dan jumlah kutipan bagi setiap negeri di Malaysia sebagaimana di laporkan dalam Laporan Zakat Tahunan Negeri/Majlis Agama Islam negeri. Tempoh kajian adalah dari tahun 2003 hingga 2009. Bagi mendapatkan bilangan pembayar zakat fitrah di Malaysia, persamaan berikut digunakan.

<sup>30</sup> Siti Mashitoh Mahamood (2007), “Sistem perundangan zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan”, *Persidangan Zakat & Cukai Kebangsaan 2007*, Kuala Lumpur: PWTC, 22 Mei 2007, h. 3-7.

<sup>31</sup> Ahmad Hidayat Buang (2006), “Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Intensif Membayar Zakat” dalam Zakat: *Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan* (suntingan) Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi, Penerbit UKM, h. 330.

$$X_t = \frac{JKF_{K_t}}{PKF_t} \quad (1)$$

$X_t$  = Bilangan Patuh Membayar Zakat Fitrah  
 $JKF_K$  = Jumlah kutipan zakat fitrah keseluruhan  
 $PKF$  = Purata Harga zakat Fitrah  
 $t$  = Tahun

Untuk mendapatkan nilai  $PKF_t$ , maka persamaan berikut digunakan.

$$PKF_t = \frac{\sum_1^N KF_t}{N} \quad (2)$$

$N$  merupakan bilangan negeri/wilayah di Malaysia. Dengan menggunakan anggaran tetap bahawa penduduk Islam di Malaysia adalah sebanyak 61% bagi tempoh dikaji, maka bilangan individu beragama Islam yang dianggap dalam kategori "bocoran" dapat dihitung berdasarkan rumus berikut.

$$Z_t = (0.61 * P_{K_t}) - X_t \quad (3)$$

$Z_t$  ialah bilangan individu yang tidak menyalurkan bayaran zakat fitrah kepada institusi formal, manakala  $P_{K_t}$  ialah populasi keseluruhan penduduk di Malaysia pada tahun  $t$ . Hasil  $(0.61 * P_{K_t})$  dalam persamaan 3 juga dapat diringkaskan sebagai  $P_{I_t}$  iaitu bilangan penduduk Islam pada sesuatu tahun.

## KEPUTUSAN KAJIAN

Setelah pengiraan dilakukan, menggunakan rumus dalam persamaan 1 dan 3, dapatkan analisis keseluruhan dari tahun 2003 hingga 2009 ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Analisis Kutipan Zakat Firah di Malaysia

	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009
JKF (RM Juta)	51.367	53.083	50.571	56,453	61.989	84.035	88.493
PKF (RM)	4.64	4.69	4.81	4.87	5.01	6.62	6.80
X (juta orang)	11.070	11.324	10.512	11.592	12.364	12.694	13.013
P <sub>I</sub> (juta orang)	15.279	15.604	15.937	16.250	16.576	16.914	17.267
Z (juta orang)	4.208	4.279	5.425	4.658	4.211	4.220	4.253

Berdasarkan Jadual 1, beberapa dapatan kajian yang diperolehi dapat diringkaskan sebagaimana berikut.

- i- Bilangan populasi masyarakat Islam ( $P_I$ ) menunjukkan pertambahan iaitu dari 15.3 juta orang pada tahun 2003 kepada 17.3 juta pada tahun 2009. Pertumbuhan populasi masyarakat Islam di Malaysia secara puratanya adalah dua peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini adalah selari dengan kadar kelahiran dan kematian yang dicatatkan di Malaysia.<sup>32</sup>
- ii- Kadar zakat fitrah secara purata (PKF) menunjukkan trend meningkat setiap tahun. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi jumlah kutipan zakat (JKF) yang menunjukkan aliran meningkat dari RM51.4 juta (2003) kepada RM88.5 juta pada tahun 2009.
- iii- Bilangan pembayaran zakat fitrah kepada institusi formal menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2005.

Walaupun ditunjukkan bahawa wujud trend aliran meningkat dalam jumlah kutipan dan bilangan pembayar, namun dengan berdasarkan bilangan pembayar patuh (X) dan populasi masyarakat Islam ( $P_I$ ), jelas

<sup>32</sup> Kadar kelahiran di Malaysia ialah 18.5 pada tahun 2005, manakala pada tahun 2006 dan 2007 pula ialah 18.1, manakala kadar kematian pula ialah 4.5 pada tahun 2005 hingga 2007. Lihat dalam, Perangkaan Penting (Per Seribu) (Kemaskini :08/06/2010) [atas talian]

[http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=55%3Avital-statistics-per-thousand-updated-2012009&catid=35%3Akey-statistics&Itemid=53&lang=bn](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=55%3Avital-statistics-per-thousand-updated-2012009&catid=35%3Akey-statistics&Itemid=53&lang=bn), 1 November 2010.

menunjukkan jumlah bocoran iaitu  $Z$  yang begitu tinggi ditunjukkan setiap tahun. Situasi ini didapati selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ahmad Hidayat (2006)<sup>33</sup> di Perak. Sekiranya angka bocoran ini merupakan realiti situasi semasa, maka ia seharusnya dipandang dengan serius. Asasnya, pembayaran zakat fitrah adalah wajib berdasarkan syarat yang begitu mudah iaitu memiliki lebih makanan pada malam dan pagi Hari Raya Puasa atau Aidil Fitri. Dengan ini, kegagalan individu mematuhi suruhan ini tidak seharusnya disandarkan kepada faktor miskin, pembayaran zakat dibuat secara langsung kepada asnaf<sup>34</sup> dan sebagainya. Ini kerana, berdasarkan intipati hadis Nabi s.a.w, zakat fitrah adalah wajib ditunaikan tanpa mengira seseorang itu kaya atau miskin.<sup>35</sup>

Faedah kutipan pembayaran zakat fitrah ini adalah penting untuk tujuan pembangunan umat Islam. Ini kerana, berdasarkan andaian bahawa semua bilangan ini ( $Z$ ) layak untuk mengeluarkan zakat fitrah, maka jumlah bocoran atau ketirisan yang tidak disalurkan melalui institusi zakat formal dapat ditunjukkan dalam Jadual 2.

---

<sup>33</sup> Ahmad Hidayat Buang (2006), *op.cit.*

<sup>34</sup> Pada hakikatnya, pembayaran zakat yang dilaksanakan oleh pembayar terus kepada asnaf tidaklah bertentangan dengan syarak. Amalan ini berlaku pada zaman Khalifah Uthman. Imam al-Mawardi juga menyetujui bahawa ia terpulang kepada pembayar. Namun, disebabkan telah wujud kesepakatan di kalangan fuqaha bahawa jika pemerintah meminta agar zakat diserahkan kepada mereka, maka pembayar tidak dibenarkan membayar atau mengagih secara sendiri. Hal ini juga ditegaskan oleh Mahmood Zuhdi yang berpandangan bahawa zakat mempunyai hubungan dengan sistem sosial Negara yang diuruskan oleh pemerintah. Memandangkan Malaysia telah mempunyai undang-undang dan badan tertentu dipertanggungjawabkan untuk menguruskan mengenai zakat ini, maka bayaran hendaklah ditunaikan kepada pemerintah. Ini bertujuan membolehkan harta tersebut diurus secara lebih tersusun. Penerangan lanjut, lihat dalam Siti Mashitoh (2007), *op.cit.*, h. 9. Juga, Ahmad Hidayat Buang (2006), *ibid.*, h. 325-336.

<sup>35</sup> Sekiranya seorang individu mempunyai 5 orang anak, tetapi hanya mampu untuk diri seorang sahaja, maka wajib dikeluarkan fitrah untuk dirinya sahaja. Panduan Zakat di Malaysia, h.8. Bagi Mazhab Hanafi dan Ja'fari, dimaksudkan dengan orang yang memiliki lebih makanan ialah orang yang mempunyai harta kekayaan yang mencapai nisab, atau yang senilai dengannya yang merupakan kelebihan daripada keperluannya. al-Jazri (1997), *op.cit.*, h.189. Abdul Karim Zaidan (1997), *op.cit.*, h. 173.

**Jadual 2:** Jumlah Bocoran Zakat Fitrah

Tahun	Jangkaan kutipan (RM)*	Jumlah Bocoran (RM)
2003	70,895,859.20	19,528,034.49
2004	73,143,071.14	20,059,814.32
2005	76,669,855.68	26,098,143.08
2006	79,139,448.00	22,686,265.22
2007	83,101,715.20	21,112,269.48
2008	111,975,247.80	27,939,390.25
2009	117,416,191.60	28,923,186.71

Nota: \* dikira berdasarkan  $PKF^*P_J$

Jadual 2 menunjukkan bahawa, jumlah zakat fitrah yang tidak dibayar kepada institusi zakat formal adalah begitu besar. Berdasarkan kepada jumlah dan juga populasi bocoran ( $Z$ ) yang ditunjukkan dalam Jadual 2, ia menimbulkan persoalan iaitu; adakah kesemuanya membuat pembayaran zakat fitrah secara terus kepada asnaf?

Seandainya angka yang ditunjukkan ini agak tidak munasabah, maka menggunakan andaian dalam dapatan kajian Sanep et al. (2006) yang mendapati sebanyak 10.5% membayar secara terus kepada asnaf dan juga bilangan isi rumah di Malaysia pada kadar 5 orang sekeluarga, maka bilangan  $Z$  yang diperolehi adalah antara 1 hingga 1.5 juta orang. Berdasarkan nilaiannya ini, maka jumlah  $Z$  yang dianggap tidak memenuhi tanggungjawab ini masih juga tinggi iaitu lebih kurang 2 juta orang.

Rentetan dari penyelidikan kepatuhan membayar zakat fitrah ini, jelas didapati bahawa wujud wang zakat dalam jumlah yang besar, tidak dapat dikesan pembayaran dan bentuk agihannya kepada asnaf. Keadaan ini juga secara tidak langsung akan mempengaruhi pungutan dan agihan jangka panjang oleh institusi zakat disebabkan agihan tidak tersusun dan kurang memberi kesan kepada asnaf akan menimbulkan persepsi negatif di kalangan pembayar zakat sedia ada ke atas peranan institusi zakat. Oleh itu, kerangka institusi ini perlu lebih diperkemaskan sama ada dari sudut operasi, kutipan dan agihan. Usaha penyelarasan yang dicadangkan terhadap kadar zakat fitrah juga merupakan langkah

penyelesaian dan seterusnya strategi dalam memperkemaskan data-data pembayar dan kaedah pembayaran yang lebih sistematik dapat dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab.

## **KESIMPULAN**

Hasil penyiasatan melalui kadar zakat fitrah jelas menunjukkan bilangan pembayar yang menggunakan saluran institusi formal menunjukkan peningkatan. Walaubagaimanapun, dalam masa yang sama, pembayaran yang tidak dikesan juga menunjukkan jumlah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun. Dalam menangani cabaran ini, institusi yang bertanggungjawab dan juga pihak kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih proaktif<sup>36</sup> untuk menyediakan kemudahan yang bersesuaian bagi memastikan bahawa semua individu berkelayakan mempunyai tahap kepercayaan dan keyakinan terhadap institusi yang menguruskan harta ini. Dalam masa yang sama, kajian lanjut perlu dijalankan bagi menyiasat berkaitan kefahaman masyarakat berkaitan zakat fitrah ini kerana ianya berlainan dengan syarat-syarat dengan zakat harta. Penyelarasan kadar fitrah<sup>37</sup> antara negeri dengan mewujudkan kadar tunggal, berkemungkinan merupakan langkah penyelesaian untuk membolehkan setiap individu yang berkelayakan membayar zakat ini di mana-mana tempat sahaja melalui pelbagai kaedah mod pembayaran dan sebagainya. Penggunaan pelbagai pendekatan dalam menyedarkan masyarakat berkaitan tanggungjawab ini dapat meningkatkan kutipan zakat dan diuruskan dengan lebih mapan kepada asnaf-asnaf yang berhak pada kadar yang setimpal.

---

<sup>36</sup> Lihat dalam Siti Mashitoh (2007), *op.cit.*, h. 13.

<sup>37</sup> Penyelarasan pada masa ini telah berjaya dilaksanakan terhadap perbezaan timbangan satu gantang Baghdad antar negeri-negeri di Malaysia. Walaupun wujud timbangan yang khusus, namun didapati kadarnya masih lagi berbeza-beza pada masa kini. Lihat dalam, Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah di Malaysia. [atas talian] <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penyelarasan-kaedah-penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia-2>, 2 November 2010.

## RUJUKAN

- Abd Al-Karim Zaidan. (1997). *Ensaiklopedia fiqh wanita: Zakat dan puasa*, (terj.) Bahariddun Fannani, Jil. 2, Selangor: Syabab Publishing House.
- Ahmad al-Hajj al-Kurdi. (2001). *Mujaz Ahkam al-Zakat wa al-Kaffarah wa al-Nudzur fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
- Ahmad Hidayat Buang. (2006). *Dilema perundangan zakat di Malaysia: Antara penguatkuasaan dan strategi pujukan/galakan/intensif membayar zakat dalam Zakat: Pensyariatan, perekonomian dan perundangan* (suntingan) Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi, Penerbit UKM.
- Audit, Ghazali. (1998). *Zakat - satu tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- Al-Nawawi. (1996). *al-Minhaj fi Syarh Shahih Muslim bin al-Hajjaj, Ikhtisar Syarh Shahih Muslim*, (ed.) Ali Abdul Hamid Abu al-Khair, Jil. 7 Kitab al-Zakat, Damsyik: Dar al-Khair.
- How do you calculate Sadaqatul Fitri (Fitra)?, [atas talian] [http://www.wifaqululama.co.uk/articlespdf/Sadaqatul\\_Fitr\\_1431.pdf](http://www.wifaqululama.co.uk/articlespdf/Sadaqatul_Fitr_1431.pdf), 12 November 2010.
- Ibn Rusyd. (1991). *Terjemahan bidayatul mujtahid*, (terj) M.A Abdurrahman, A.Haris Abdullah, Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Imam al-Bukhari. (2002). No. hadis 781, Jilid II, dalam *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari*, Jilid I,II,III,IV, (terj.) Zainuddin Hamidy et al., Singapore: Darul Fajr Publishing House.
- Imam al-Muslim. (2002). No. Hadis 935, Jilid II, dalam *Terjemahan Hadis Shahih Muslim*, Jilid I,II,III, IV, (terj.) Ma'mur Daud, Singapore: Darul Fajr Publishing House.
- JAKIM. (2001). *Panduan zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.

- Kamil Md Idris, Chek Derashid dan Engku Ismail. (1997). Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan Muslimin negeri Perlis. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah [atas talian] <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/kesedaran%20membayar%20zakat%20pendapatan.pdf>, 10 November 2010.
- Kamil Md. Idris. (2006). Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji, dalam *Zakat: Pensyariatan, perekonomian dan perundangan* (suntingan) Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi, Penerbit UKM.
- Al-Jazri. (1997). *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar* (ed.) ‘Uwaidhah, Jil. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Md Zyadi Tahir dan Mariani Majid. (1999). *Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia dalam Pascasidang seminar pengeluaran awam dan swasta: Justifikasi dan realiti di Malaysia*. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 293-306.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail. (2001). Can privatization improve performance? Evidence from zakat collection institutions. *Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam*. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Penyelarasan Kaedah Penentuan Harga Zakat Fitrah di Malaysia. [atas talian] <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penyelarasankaedah-penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia-2>, 2 November 2010.
- Perangkaian Penting (Per Seribu) (Kemaskini: 08/06/2010) [atas talian] [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=55%3Avital-statistics-per-thousand-updated-2012009&catid=35%3Akey-statistics&Itemid=53&lang=bn](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=55%3Avital-statistics-per-thousand-updated-2012009&catid=35%3Akey-statistics&Itemid=53&lang=bn), 1 November 2010.
- Qardawi, Yusof. (2002). *Hukum zakat*. Indonesia: Litera AntarNusa

- Sanep Ahmad dan Hairunizam. (2005a). Kesediaan berkongsi kekayaan dan kebahagiaan: Kajian kes bayaran zakat bagi harta yang diikhtilaf. *Persidangan Kebangsaan ke-2 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutuan (PPSPP)*, Bangi: UKM.
- Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid. (2005b). Persepsi dan faktor penentu kesedaran terhadap perluasan sumber zakat harta yang diikhtilaf. *Islamiyyat*, 27(1), 45-65.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 13(2), 175- 196.
- Shofian Ahmad dan Amir Husin. (2002). *Zakat membangun ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007). Sistem perundangan zakat di Malaysia: Antara realiti dan harapan. *Persidangan Zakat & Cukai Kebangsaan 2007*, Kuala Lumpur: PWTC, 22 Mei 2007.
- Sunan Abu Daud. (2001). *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, (ed.) Syams al-Din Ibnu al Qayyim al-Jauziyyah (tahqiq) 'Isom al-Din as-Sabba Bathani, 3, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Wahbah al-Zuhaily. (2002). *Fiqh dan perundangan Islam*, Jil. IV, (terjemahan) Ahmad Shahbari Salamon et al., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.